

Terma & Syarat ("Terma-Terma") Untuk Pembiayaan Peribadi-i MBSB Bank Berdasarkan Konsep Syariah Tawarruq ("Kemudahan")

Tertakluk kepada penerimaan MBSB Bank Berhad (No. Syarikat: 716122-P) ("MBSB Bank") terhadap permohonan dari pemohon yang dinamakan ("Pemohon") di dalam borang permohonan untuk Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i MBSB Bank ("Borang ini"), Pemohon dengan ini bersetuju bahawa terma-terma dan syarat-syarat yang tercatat di sini ("Terma-Terma") adalah terpakai bagi Kemudahan ini dan Pemohon bersetuju untuk terikat dengan Terma-Terma tersebut.

1. DEFINISI-DEFINISI

"Ansuran" bermaksud ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Pemohon kepada MBSB Bank samada sebelum atau selepas ibra` (rebat) diberikan oleh MBSB Bank bagi pembayaran Harga Jualan Komoditi MBSB Bank secara bayaran tertangguh. "Harga Belian Komoditi MBSB Bank" bermaksud harga belian bagi Komoditi yang dibeli oleh MBSB Bank daripada pembekal Komoditi pada harga belian yang diperincikan di dalam tawaran Kemudahan yang bersamaan dengan jumlah Kemudahan yang ditawarkan kepada Pemohon.

"Harga Jualan Komoditi MBSB Bank" bermaksud harga jualan Komoditi yang dijual oleh MBSB Bank kepada Pemohon pada harga jualan berdasarkan pada kadar keuntungan sebanyak % setahun yang kena dibayar oleh Pemohon seperti yang diperincikan didalam tawaran Kemudahan. "Notis Pengeluaran Penuh dan Notis" bermaksud notis bertulis yang dikeluarkan oleh MBSB Bank kepada Pemohon selepas amaan bersih Kemudahan dibayar kepada Pemohon yang menyatakan butiran Ansuran bagi Harga Jualan Komoditi MBSB Bank dan juga merujuk kepada apa jua notis bertulis yang dikeluarkan oleh MBSB Bank dari masa ke semasa selepas itu termasuk sebarang notis pindaan atau pemetulan. "Komoditi" bermaksud apa-apa komoditi yang halal dan mematuhi prinsip Syariah yang akan ditentukan pada masa transaksi oleh MBSB Bank. "Sekuriti" bermaksud apa jua sekuriti yang dianggap diperlukan oleh MBSB Bank dari masa ke semasa dan yang perlu disediakan oleh Pemohon atau pihak-pihak lain yang bersetuju memberi sekuriti berikutan permintaan Pemohon dan disetujui oleh MBSB Bank bagi kesemua amaan yang perlu dibayar oleh Pemohon kepada MBSB Bank.

1A. TUJUAN KEMUDAHAN

Kemudahan ini diberikan kepada Pemohon untuk kegunaan peribadi yang halal dan mematuhi Syariah.

2. AMAUN YANG KENA DIBAYAR/PEMOTONGAN DARIPADA JUMLAH KEMUDAHAN

Semua amaan yang dinyatakan di bawah (sekiranya berkenaan) akan ditolak daripada jumlah Kemudahan yang diluluskan oleh MBSB Bank:

- Deposit Sekuriti (hanya akan diguna pakai pada akhir tempoh pembiayaan);
- Sumbangan Takaful GCTT;
- Fi Wakalah;
- Penyelesaian Pembiayaan lain;
- Produk Pengurusan Kekayaan;
- Lain-lain caj dan amaan yang perlu dibayar oleh Pemohon.

Semua yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada pakej yang diambil oleh Pemohon.

3. TRANSAKSI KEMUDAHAN

Selaras dengan prosedur pembiayaan MBSB Bank, MBSB Bank akan menawarkan Kemudahan kepada Pemohon dengan menghantar satu khidmat pesanan ringkas ("SMS") kepada Pemohon atau dalam medium yang lain yang difikirkan sesuai oleh MBSB Bank. Penerimaan Pemohon terhadap tawaran Kemudahan MBSB Bank seperti yang terkandung dalam SMS dengan menjawab YA, atau dalam bentuk medium yang lain yang diterima oleh MBSB Bank, tertakluk kepada apa-apa pindaan yang akan dimaklumkan melalui notis oleh MBSB Bank, akan menjadi obligasi dan komitmen Pemohon terhadap Terma-Terma dalam tawaran Kemudahan.

Jawapan "TIDAK" terhadap SMS bermakna bahawa Pemohon menolak dan tidak mahu meneruskan Kemudahan.
Jawapan "TUKAR" terhadap SMS bermakna Pemohon ingin menukar jumlah atau tempoh Kemudahan.

Sekiranya Pemohon menjawab YA, MBSB Bank akan membeli Komoditi pada Harga Belian Komoditi MBSB Bank.

Setelah MBSB Bank membeli Komoditi tersebut daripada pembekal Komoditi, MBSB Bank akan menjual Komoditi tersebut kepada Pemohon selaras dengan akujanji Pemohon untuk membeli Komoditi daripada MBSB Bank yang terkandung di dalam Borang ini pada Harga Jualan Komoditi MBSB Bank.

'Aqad jual-beli di antara MBSB Bank dan Pemohon akan dibuat dalam bentuk SMS yang akan dihantar oleh MBSB Bank kepada Pemohon. Pemohon mempunyai pilihan untuk menjawab YA untuk menerima tunai atau TIDAK untuk mengambil penghantaran.

Sekiranya Pemohon menjawab YA bermakna Pemohon bersetuju untuk membeli Komoditi dan berdasarkan perantaraan MBSB Bank sebagai wakil Pemohon yang terkandung di dalam Borang ini, MBSB Bank akan menjual Komoditi tersebut sebagai wakil Pemohon kepada mana-mana pihak ketiga pada harga yang bersamaan dengan jumlah Kemudahan yang ditawarkan kepada Pemohon.

Hasil jualan (iaitu jumlah Kemudahan) akan dikreditkan ke dalam akaun bank Pemohon setelah menolak segala pemotongan yang dinyatakan dalam tawaran Kemudahan dan Terma-Terma.

Sekiranya Pemohon menjawab TIDAK bermakna Pemohon akan mengambil penghantaran Komoditi tersebut dan kos penghantaran akan ditanggung oleh Pemohon. Pemohon hendaklah membayar Harga Jualan Komoditi MBSB Bank kepada MBSB Bank secara tangguh mengikut jadual bayaran/ansuran yang dinyatakan dalam tawaran Kemudahan.

4. SYARAT TERDAHULU PENGGUNAAN KEMUDAHAN

Sebelum MBSB Bank membuat pengeluaran penuh amaan Kemudahan kepada Pemohon dan sebelum Pemohon boleh menggunakan Kemudahan tersebut, syarat-syarat berikut perlulah dipenuhi terlebih dahulu oleh kesemua pihak yang terlibat:-

- Semua dokumen Sekuriti dan dokumen sokongan berkaitan Kemudahan ini dan yang diperlukan oleh MBSB Bank telah dikemukakan, diterima dan disempurnakan;
- Pemohon telah mematuhi semua terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh MBSB Bank seperti yang dinyatakan di dalam Terma-Terma disini;
- Tiada Kejadian Ingkar (Event of Default) seperti yang dinyatakan di perenggan (12) sedang atau telah berlaku;
- Pemohon telah lulus penilaian kredit dalaman (internal credit evaluation) MBSB Bank seperti yang ditetapkan oleh MBSB Bank;
- Pemohon telah membayar segala yuran dan kos yang perlu dibayar dibawah Kemudahan ini; dan
- Apa-apa syarat terdahulu yang MBSB Bank fikirkan perlu dipatuhi oleh Pemohon dari masa ke semasa.

5. REPRESENTASI & JAMINAN

Pemohon memberi representasi dan jaminan kepada MBSB Bank bahawa:

- Pemohon mempunyai hak, kuasa dan keupayaan untuk menerima tawaran Kemudahan ini dan untuk melaksanakan tanggungjawabnya berdasarkan Terma-Terma ini.
- Pemohon yang dinamakan di dalam Borang ini bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan, dan tiada apa-apa prosiding kebangkrapan, tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan yang lain samada semasa atau belum diputuskan terhadapnya yang akan mempengaruhi keupayaan Pemohon untuk memenuhi obligasinya dibawah Terma-Terma ini.
- Tiada Kejadian Ingkar (Event of Default) seperti yang dinyatakan di perenggan (12) di bawah telah berlaku atau masih berlaku disamping berjanji bahawa Pemohon akan memaklumkan kepada MBSB Bank secara bertulis sekiranya Pemohon bukan lagi kakitangan kerajaan atau mana-mana agensi kerajaan sebelum Pemohon berhenti daripada perkhidmatan tersebut.
- Terma-Terma ini menjadi kewajipan undang-undang yang sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan terhadap Pemohon berdasarkan Terma-Terma yang termaktub;
- Segala maklumat yang diberikan oleh Pemohon kepada MBSB Bank berkaitan Kemudahan ini adalah sah dan benar dan tiada sebarang pengabaian oleh Pemohon yang mengakibatkan maklumat tersebut tidak benar atau mengelirukan.

Representasi dan Jaminan yang diberikan disini akan berterusan selagi mana Harga Jualan Komoditi MBSB Bank atau tanggungan di bawah Kemudahan ini masih tertunggak dan terhutang oleh Pemohon. Kebenaran dan ketepatan representasi yang dinyatakan di dalam representasi-representasi dan jaminan-jaminan yang dinyatakan oleh Pemohon disini adalah menjadi asas komitmen MBSB Bank untuk menyediakan Kemudahan tersebut kepada Pemohon. Jika sebarang representasi-representasi dan/atau jaminan-jaminan yang telah dibuat selepas ini dan pada bila-bila masa didapati tidak benar dalam mana-mana aspek yang metarial, di dalam keadaan tersebut dan tanpa mengambil kira apa-apa yang bertentangan di sini, MBSB Bank akan mempunyai hak mutlak untuk mengkaji semula, menggantungkan, menuntut semula atau membatalkan Kemudahan tersebut atau sebahagian daripadanya.

Dimana bersesuaian dan apabila dikehendaki oleh MBSB Bank, Pemohon akan melaksanakan atau menyebabkan pelaksanaan Sekuriti lain atau yang selanjutnya sepertimana diperlukan oleh MBSB Bank.

5A. AKUJANJI (COVENANTS)

Sepanjang tempoh Kemudahan ini, Pemohon berakujanji akan:

- membayar segala Ansuran dan jumlah keberhutangan (indebtedness) tepat pada masanya dan melaksanakan segala tanggungjawabnya;
- mengambil segala langkah yang perlu bagi memastikan bahawa tiada perubahan metarial ke atas kedudukan kewangannya;
- memberi kepada MBSB Bank segala maklumat dan dokumen yang diperlukan oleh MBSB Bank berkaitan dengan Kemudahan;
- memaklumkan kepada MBSB Bank sekiranya berlaku Kejadian Ingkar di bawah Kemudahan ini atau sebarang Kejadian Ingkar yang berkaitan dengan mana-mana keberhutangan (indebtedness) Pemohon yang lain;
- memberi kebenaran kepada MBSB Bank untuk melantik mana-mana pihak dan/atau ejen untuk menguruskan segala urusan pembelian dan penjualan Komoditi bagi tujuan Kemudahan ini selaras dengan prosedur pembiayaan MBSB Bank.
- Memastikan bayaran sumbangan bagi produk Banca Takaful yang dilanggan melalui Pakej Gabungan Produk dikekalkan selagi kemudahan Pembiayaan Peribadi-i aktif dengan MBSB Bank.

6. PEMBAYARAN HARGA JUALAN KOMODITI MBSB BANK

Apabila Kemudahan diluluskan, ia akan dikreditkan ke dalam akaun Pemohon oleh MBSB Bank atau melalui apa jua cara yang dianggap sesuai oleh MBSB Bank. Pemohon mengesahkan bahawa penerimaan permohonan Kemudahan oleh MBSB Bank adalah dianggap lengkap sebaik sahaja transaksi-transaksi yang dinyatakan di dalam (3) di atas telah dilaksanakan dan disempurnakan atau Kemudahan yang diluluskan oleh MBSB Bank telah dikreditkan ke dalam akaun Pemohon meskipun Kemudahan tersebut tidak diguna pakai di dalam akaun Pemohon atau amaun tebus hutang (jika berkaitan) telahpun dibayar kepada mana-mana pihak ketiga oleh pihak MBSB Bank bagi pihak Pemohon (yang mana Pemohon bersejua dan berakujanji akan membayar kesemua amaun tebus hutang tersebut kepada MBSB Bank jika Kemudahan tersebut dibatalkan oleh Pemohon).

Apa-apa perbezaan di dalam amaun Kemudahan yang dipohon, dan apabila diluluskan tidak akan memberi kesan kepada perihal sah Terma-Terma ini dan Pemohon akan dianggap bersetuju untuk mendapatkan Kemudahan dalam amaun yang diluluskan oleh MBSB Bank. Pembayaran Jualan Komoditi MBSB Bank perulah dibuat oleh Pemohon dalam amaun dan mengikut bilangan ansuran seperti yang dinyatakan di dalam tawaran Kemudahan dan/atau seperti yang terkandung di dalam Notis Pengeluaran Penuh yang dikeluarkan oleh MBSB Bank.

7. BAYARAN ANSURAN

Bayaran balik ansuran bulanan bagi Kemudahan ini boleh dibuat melalui potongan gaji, bayaran secara tunai / cek di mana-mana cawangan MBSB Bank, melalui arahan tetap pembayaran atau melalui bayaran atas talian dengan bank-bank tertentu. Kaedah, tarikh bayaran Ansuran pertama dan Ansuran berikutnya yang perlu dibayar oleh Pemohon adalah seperti yang ditetapkan di dalam tawaran Kemudahan dan/atau Notis Pengeluaran Penuh.

Bagi akaun yang terikat dengan deposit sekuriti, deposit sekuriti tersebut tidak akan dipulangkan kepada Pemohon sebaliknya akan digunakan untuk menyelesaikan baki akhir ansuran bulanan Kemudahan. Dengan demikian, tempoh pembiayaan anda secara tidak langsung mungkin akan berkurangan dan akan tamat sebelum tempoh matang.

Bayaran Ansuran melalui Potongan Gaji:

Bagi akaun yang melibatkan bayaran melalui potongan ANGKASA dan/atau Majikan dan/atau badan-badan dan organisasi-organisasi yang diluluskan oleh MBSB Bank, sekiranya pihak ANGKASA dan/atau Majikan dan/atau badan-badan dan organisasi-organisasi yang diluluskan oleh MBSB Bank telah membuat pemotongan gaji lebih awal dari tarikh Ansuran pertama sebagaimana yang dinyatakan di dalam Notis Pengeluaran Penuh, bayaran yang diterima oleh MBSB Bank dari potongan gaji tersebut ini akan dikira sebagai Bayaran Pendahuluan. Tiada pengeluaran dibenarkan oleh Pemohon dan tiada pemulangan bayaran Ansuran dibuat oleh MBSB Bank untuk Bayaran Pendahuluan tersebut sebaliknya tempoh Kemudahan pembiayaan akan dikurangkan sewajarnya.

Walau bagaimanapun, bayaran Ansuran oleh Pemohon hanya akan dianggap dibayar oleh Pemohon apabila MBSB Bank menerima bayaran dan bukannya semasa pemotongan gaji dilakukan oleh pihak Koperasi Biro Angka ("ANGKASA") / Akauntan General (AG) Negara / Negeri dan/atau pihak majikan Pemohon ("Majikan"). Tanpa menjejaskan peruntukan di atas, Pemohon mestilah membuat bayaran Ansuran secara terus kepada MBSB Bank:-

- Sehingga potongan gaji oleh ANGKASA dan/atau oleh pihak Majikan berkuatkuasa; dan/atau
- Sekiranya potongan gaji tersebut tidak diterima oleh MBSB Bank atas apa-apa alasan sekalipun; dan/atau
- Sekiranya amaun yang diterima melalui potongan gaji kurang daripada bayaran Ansuran atas apa-apa alasan sekalipun.

Pemohon dengan ini juga membenarkan (kebenaran yang tidak boleh dibatalkan) MBSB Bank untuk mendebitkan mana-mana akaun deposit Pemohon untuk Ansuran bulanan pada atau sebelum tarikh Ansuran bulanan mesti dibayar dan mana-mana caj lain yang berkaitan dengan Kemudahan. Untuk tujuan debit yang dinyatakan di sini:-

- Pemohon berakujanji untuk memastikan simpanan yang secukupnya telah disimpan di dalam akaun untuk memenuhi bayaran ansuran.
- MBSB Bank tidak akan menanggung apa-apa liabiliti terhadap mana-mana kesiapan, keenggan atau pengabaian untuk membuatkan semua atau mana-mana pembayaran atau berdasarkan alasan bayar lewat atau pengabaian untuk mematuhi arahan tersebut.
- MBSB Bank akan menentukan pembayaran wang daripada akaun Pemohon berdasarkan arahan ini atau mana-mana perintah diberikan kepada MBSB Bank.
- Sekiranya bayaran tidak boleh dibuat kerana baki akaun simpanan tidak mencukupi, MBSB Bank tidak akan membuat bayaran pada tarikh bayaran berkenaan. Pembayaran selanjutnya hanya akan dibuat pada tarikh pembayaran yang berikutnya. Pemohon dikehendaki membuat pelan alternatif untuk memberi kesan kepada bayaran yang berkenaan.
- Sebagai balasan untuk MBSB Bank menyusunkan arahan ini, Pemohon mengakujanji kepada MBSB Bank untuk menanggung rugi semua atau mana-mana dakwaan, tuntutan, kehilangan, kerugian, kos, caj dan/atau perbelanjaan yang MBSB Bank mungkin atau akan alami atau tanggung.

8. TA`WIDH (PAMPASAN)

Tanpa mengambil kira apa-apa yang terkandung di sini, Pemohon bersetuju dan berjanji untuk membayar kepada MBSB Bank Ta`widh (pampasan) di atas Ansuran yang tertunggak dan bayaran untuk keberhutangan (Incedtedness) atau Harga Jualan Komoditi MBSB Bank, seperti mana yang bersesuaian, secara berikutnya:-

- Semasa tempoh Kemudahan: Pampasan bayaran lewat (Ta`widh) akan dikenakan pada kadar 1% setahun ke atas jumlah tunggakan atau sebahagian daripadanya atau mengikut apa-apa kaedah atau kadar lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah MBSB Bank dari semasa ke semasa; dan
- Selapas tempoh matang Kemudahan: Pampasan bayaran lewat (Ta`widh) akan dikenakan pada kadar yang tidak melebihi kadar semasa Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) ke atas baki tertunggak; dan
- Jumlah bagi Ta`widh (pampasan) ke atas keberhutangan termasuk Harga Jualan Komoditi MBSB Bank, seperti mana yang bersesuaian tidak akan dikompakan (compounded).

9. PENYELESAIAN AWAL HARGA JUALAN KOMODITI MBSB BANK DAN IBRA' (REBAT)

Dalam kes-kes penyelesaian awal untuk keseluruhan atau sebahagian daripada Harga Jualan Komoditi, pelarasan ibra' (rebat) akan dilakukan oleh MBSB Bank berdasarkan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah MBSB Bank. MBSB Bank akan memberikan ibra' (rebat) kepada Pemohon di mana terdapat:

- Penyelesaian awal atau penebusan awal Kemudahan tersebut; atau
- Penyelesaian kontrak pembiayaan asal kerana penyusunan semula pembiayaan; atau
- Penyelesaian oleh Pemohon dalam kes lalai; atau
- Penyelesaian oleh Pemohon sekiranya berlaku penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.

Bagi Pembiayaan Peribadi dengan Kadar Berubah, rebat akan diberi berdasarkan perbezaan (jika ada) di antara Kadar Keuntungan Efektif dan Kadar Keuntungan Siling dan selagi Kadar Keuntungan Efektif adalah lebih rendah daripada Kadar Keuntungan Siling/dipersetujui.

Bagi Pembiayaan Peribadi dengan Kadar Tetap:-

Pengiraan ibra' (rebat) =

$$\left[\frac{n(n+1)}{N(N+1)} \right] \times P$$

n = Baki Bulan ke Tempoh Matang
N = Jumlah Tempoh Pembiayaan (dalam bulan)
P = Jumlah Caj Keuntungan
Jumlah Penyelesaian = Baki Harga Jualan + Ta`widh + Kos Lain (jika ada) - Ibra'

Bagi Pembiayaan Peribadi dengan Kadar Berubah:-

Pengiraan ibra' (rebat) = Untung Tertanggung - Caj Penyelesaian Awal

Jumlah Penyelesaian = Baki Harga Jualan + Bayaran Ansuran Tertunggak + Caj bayaran lewat - Penyelarasan keatas Ibra' (rebat) disebabkan perubahan pada Kadar Keuntungan Efektif - Ibra' semasa penyelesaian

10. HAK MBSB BANK UNTUK MENGGUNAKAN BAKI KREDIT AKAUN PEMOHON BAGI TUJUAN PENYELESAIAN MANA-MANA KEBERHUTANGAN PEMOHON TERHADAP MBSB BANK (SET-OFF)

MBSB Bank berhak pada bila-bila masa, dalam budi bicara mutlaknya untuk menggabungkan semua atau mana-mana akaun Pemohon, termasuk sebarang wang di dalam simpanan MBSB Bank, melalui potongan gaji ANGKASA dan/atau oleh pihak Majikan, dan menggunakannya untuk menyelesaikan sebarang keberhutangan dan tanggungjawab Pemohon terhadap MBSB Bank.

Oleh itu, tertakluk kepada notis pemberitahuan tujuh (7) hari kepada Pemohon, MBSB Bank dengan ini diberi kuasa penuh untuk melakukan pemindahan atau penolakan apa-apa jumlah kredit mana-mana akaun Pemohon untuk tujuan penyelesaian mana-mana liabiliti Pemohon ke atas MBSB Bank.

11. TAKAFUL, YURAN DAN KOS

Pemohon digalakkan mengambil pelan takaful persendirian daripada syarikat takaful yang diluluskan oleh MBSB Bank apabila menerima tawaran Kemudahan ini. Bayaran takaful akan ditolak daripada jumlah Kemudahan yang diluluskan kepada Pemohon.

Dalam kes tuntutan apabila kematian atau Hilang Upaya Kekal, semua amaun yang perlu dibayar di bawah perlindungan Takaful akan dibayar terus kepada MBSB Bank dan akan digunakan untuk membayar apa-apa amaun yang tertunggak di bawah Kemudahan ini. Jumlah baki (jika ada) akan dibayar kepada Pemohon atau waris Pemohon (mengikut mana yang berkenaan).

Semua yuran dan perbelanjaan, yuran guaman (mengikut asas peguam dan Pemohon) dan kos yang ditanggung atau dibiayai oleh MBSB Bank berkenaan atau berkaitan dengan peruntukan dan penyediaan dokumen bagi Kemudahan ini, dan/atau mana-mana Sekuriti dan/atau penguatkuasaan MBSB Bank bagi haknya dibawah Kemudahan, dan/atau Sekuriti hendaklah dibayar oleh Pemohon, dan atas pertimbangan MBSB Bank, boleh didebitkan ke akaun Pemohon yang dinyatakan atau mana-mana akaun Pemohon dengan MBSB Bank.

Sebagai tambahan kepada peruntukan di sini, pihak Pemohon bersetuju untuk menanggung rugi MBSB Bank dan memastikan MBSB Bank tidak menanggung sebarang pembayaran, kerugian, kos, caj atau perbelanjaan, secara sah atau sebaliknya, yang pihak MBSB Bank mungkin alami atau menanggung akibat memberi atau melanjutkan Kemudahan kepada Pemohon atau akibat daripada keingkaran Pemohon. MBSB Bank berhak untuk mengenalkan caj dan pihak Pemohon mengaku janji untuk menanggung segala bayaran dan caj yang dikenakan oleh MBSB Bank yang berkaitan dengan Kemudahan atau mana-mana Sekuriti dan penyata tebus balik (redemption statement(s)) yang dikeluarkan atau yang akan dikeluarkan.

12. KEJADIAN INKAR

Jumlah keseluruhan bagi Harga Jual Komoditi MBSB Bank dan apa-apa wang yang perlu dibayar dan tertunggak di bawah Kemudahan ini termasuklah ganti rugi (Ta'widh) jika ada akan serta-merta perlu dibayar oleh Pemohon apabila berlakunya mana-mana Kejadian Ingkar seperti berikut:-

- i. Pemohon gagal atau ingkar dalam pembayaran Harga Jual Komoditi MBSB Bank dan apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah peruntukan Terma-Terma ini atau Kemudahan ini, sama ada dituntut secara rasmi atau tidak;
- ii. Pemohon dan/atau mana-mana pihak yang menyediakan Sekuriti ingkar atau mengancam untuk ingkar atau mengabaikan mana-mana janji, stipulasi, terma atau syarat yang terkandung di dalam Terma-Terma ini, di dalam Borang ini dan/atau mana-mana dokumen-dokumen Sekuriti;
- iii. Apa-apa pernyataan, representasi atau jaminan yang dibuat oleh Pemohon di sini dibuktikan sebagai tidak benar atau adalah salah pada masa pernyataan, representasi atau jaminan tersebut dibuat atau dianggap seolah-olah dibuat;
- iv. Terma-Terma ini dan/atau dokumen-dokumen Sekuriti adalah tidak sah atau menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan;
- v. Pemohon tidak membayar mana-mana keperluan yang terhutang kepada mana-mana pihak (termasuk keperluan yang terhutang kepada MBSB Bank) atau keperluan (selain daripada keperluan Pemohon di dalam Borang ini) Pemohon atau mana-mana pihak yang menyediakan Sekuriti kepada MBSB Bank atau mana-mana bank atau institusi kewangan yang lain di atas sebab Kejadian Ingkar oleh Pemohon atau mana-mana pihak yang menyediakan Sekuriti menjadi tertunggak atau mampu diisytiharkan tertunggak sebelum tarikh matangnya;
- vi. Pemohon atau mana-mana pihak yang menyediakan Sekuriti telah membekalkan maklumat atau data yang palsu kepada MBSB Bank;
- vii. Di dalam pendapat mutlak MBSB Bank, akaun Pemohon dengan mana-mana bank, tidak diuruskan secara memuaskan;
- viii. Kejadian atau peristiwa atau situasi telah berlaku di mana akan atau boleh di dalam pendapat mutlak MBSB Bank mempengaruhi kemampuan Pemohon atau mana-mana pihak yang menyediakan Sekuriti untuk melaksanakan obligasi-obligasinya dalam Kemudahan ini dan dalam jaminan atau mana-mana Sekuriti;
- ix. Pemohon atau mana-mana pihak yang menyediakan Sekuriti menjadi bankrap, melakukan perbuatan-perbuatan kebankrapan, tidak waras atau meninggal dunia;
- x. Satu distres atau pelaksanaan (execution) dikenakan terhadap mana-mana hartanah-hartanah Pemohon atau pemegang amanah, atau pegawai rasmi yang telah dilantik terhadap keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada aset-asetnya;
- xi. Dimana ia boleh digunakan, Pemohon berhenti atau mengugut untuk berhenti daripada menjalankan perniagaannya atau memindahkan atau menjual atau berniat untuk memindahkan atau menjual sebahagian besar daripada aset-asetnya;
- xii. Pemohon mendakwa bahawa seluruh atau sebahagian daripada Terma-Terma ini tidak mempunyai kuasa atau kesan sepenuhnya;
- xiii. Mana-mana akaun semasa Pemohon telah ditutup oleh mana-mana bank atas perintah dan /atau arahan agensi yang mempunyai kuasa atas cek-cek tendang (dishonoured cheques) dan/atau polisi-polisi bank tersebut dalam mengekalkan akaun-akaun semasa tersebut, tanpa mengambil kira akaun (akaun-akaun) semasanya dengan MBSB Bank, sama ada dimiliki secara perseorangan ataupun milikan bersama dengan orang lain, telah dikendalikan dengan sebaiknya;
- xiv. Pemohon bukan lagi kakitangan kerajaan atau mana-mana agensi kerajaan atas apa jua sebab sekali pun;
- xv. Penerima atau pemegang amanah dilantik bagi mengambil alih pemilikan harta benda Pemohon atau apa-apa pelaksanaan yang akan dan/atau sedang atau telah diambil terhadap harta benda Pemohon;
- xvi. Terjadi kemungkinan pada mana-mana perjanjian yang melibatkan pinjaman wang atau pendahuluan kredit kepada Pemohon yang memberikan hak kepada kreditor berkenaan (termasuk MBSB Bank) untuk menarik balik Kemudahan atau mempercepatkan bayaran atau menarik balik pinjaman wang atau pendahuluan kredit tersebut;
- xvii. Perubahan di dalam mana-mana undang-undang atau peraturan yang menyebabkan ianya menjadi satu kesalahan kepada MBSB Bank untuk terus menyediakan Kemudahan ini kepada Pemohon.

Sekiranya berlaku mana-mana Kejadian Ingkar yang dinyatakan di atas, Kemudahan atau mana-mana bahagiannya akan ditangguhkan, ditarik balik atau ditamatkan dan/atau Harga Jual Komoditi MBSB Bank dan semua wang yang perlu dibayar kepada MBSB Bank di bawah Kemudahan dan Borang ini akan menjadi perlu dibayar. Selanjutnya, MBSB Bank boleh, atas budi bicaranya menguatkuasakan mana-mana Sekuriti yang telah disediakan untuk membayar semua jumlah yang tertunggak dan tidak dibayar di bawah Kemudahan.

13. NOTIS

Sebarang notis atau tuntutan hendaklah dalam bentuk bertulis dan perlu dihantar kepada MBSB Bank melalui kiriman pos berdaftar kepada alamat berdaftar MBSB Bank yang terkini dan perlu dihantar kepada Pemohon melalui kiriman pos biasa kepada alamat Pemohon seperti yang dinyatakan di dalam Borang ini. Penyerahan untuk sebarang proses undang-undang ke atas Pemohon boleh dihantar melalui pos berdaftar kepada alamat pihak Pemohon seperti yang dinyatakan di dalam Borang ini dan penghantaran notis, tuntutan dan proses undang-undang tersebut akan dianggap berkesan dan sempurna dihantar setelah dihantar dua (2) hari selepas tarikh ia dihantar tanpa mengambil kira notis atau tuntutan tersebut dikembalikan semula oleh pihak pos jika tidak dihantar atau Pemohon mungkin meninggal dunia (kecuali dan sehingga pihak MBSB Bank menerima notis bertulis daripada wakil Pemohon berkenaan geran probate atau surat kuasa mentadbir harta pusaka Pemohon yang meninggal dunia). Tiada perubahan di dalam alamat Pemohon yang dinyatakan di dalam Borang ini dianggap berkuatkuasa atau mengikat MBSB Bank kecuali MBSB Bank menerima notis yang nyata berkenaan perubahan alamat tersebut.

14. KEUTAMAAN PEMBAHAGIAN

MBSB Bank berhak mengutamakan pembayaran Ansuran berbanding pembayaran amaun-amaun lain yang tertunggak daripada mana-mana pembayaran yang diterima oleh MBSB Bank. MBSB Bank atas budi bicaranya berhak menilai semula keutamaan (priority) ini sebagaimana yang difikirkan patut. Jika mana-mana amaun yang telah diterima dalam bentuk bayaran atau dimiliki semula melalui penguatkuasaan adalah kurang daripada amaun yang tertunggak; MBSB Bank akan menggunakan amaun tersebut dalam kadar (proportion) dan turutan keutamaan (priority) dan secara keseluruhannya mengikut cara yang akan ditentukan oleh MBSB Bank.

15. PERAKUAN

Mana-mana sijil atau perakuan (certificate), notis atau tuntutan yang telah ditandatangani bagi pihak MBSB Bank oleh mana-mana pegawai MBSB Bank atau mana-mana peguamcara atau firma peguamcara yang mewakili MBSB Bank akan dianggap sebagai bukti kukuh terhadap Pemohon atas jumlah yang terhutang daripada Pemohon kepada MBSB Bank dan semua perkara yang dinyatakan di dalamnya bagi apa-apa tujuan sekalipun termasuk bagi tujuan prosiding undang-undang dan tidak akan dipersoalkan atas apa-apa sebab sekalipun.

16. PENYERAHAN HAK (ASSIGNMENT)

MBSB Bank mempunyai hak untuk menyerah hak dan liabilitinya di bawah Kemudahan ini. Liabiliti-liabiliti dan obligasi-obligasi di bawah Terma-Terma di sini, atau mana-mana dokumen-dokumen Sekuriti akan dianggap sah dan mengikat untuk semua tujuan tanpa mengambil kira mana-mana perubahan melalui pencantuman, perubahan semula atau apa-apa sekalipun yang akan dibuat di dalam memorandum dan tata urusan syarikat MBSB Bank. Masa yang diperuntukkan oleh undang-undang untuk menuntut kembali semua jumlah tertunggak kepada MBSB Bank tidak akan diambil kira sebagai bertentangan dengan MBSB Bank sehingga tuntutan bertulis bagi bayaran jumlah yang tertunggak dikeluarkan terhadap Pemohon.

17. KEBERASINGAN

Mana-mana peruntukan di sini yang bertentangan di sisi undang-undang, tidak sah, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam mana-mana bidang kuasa akan terhadap bidang kuasa tersebut menjadi tidak efektif sehingga sejauh mana ia adalah bertentangan di sisi undang-undang, tidak sah, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan tanpa memudaratkan peruntukan yang lainnya.

Tiada kegagalan, pengabaian atau kelewatan oleh MBSB Bank dalam melaksanakan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang terakru kepada MBSB Bank dalam Terma-Terma ini menjejaskan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi atau dianggap sebagai pengecualian atau persetujuan terhadap keingkaran tersebut, dan tiada tindakan oleh MBSB Bank berkaitan apa-apa keingkaran atau persetujuan terhadap apa-apa keingkaran tersebut akan menjejaskan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedi MBSB Bank berkaitan mana-mana keingkaran yang lain atau yang seterusnya. Hak-hak dan remedi yang diperuntukan di sini adalah terkumpul dan termasuk kuasa atau remedi yang diperuntukkan di bawah undang-undang. Terma-Terma ini menggunakan undang-undang Malaysia.

18. PINDAAN PADA TERMA-TERMA

Adalah dengan ini dipersetujui oleh semua pihak bahawa walau apapun peruntukan dan terma yang terkandung, ia adalah tertakluk kepada perubahan oleh pihak MBSB Bank dengan memberi notis bertulis kepada Pemohon atau melalui apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh MBSB Bank sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum sebarang perubahan pada peruntukan menjadi efektif dan merupakan sebahagian daripada Terma-Terma pada masa pelaksanaan.

19. TAKRIF

Kepala surat, logo, tajuk-tajuk yang digunakan di sini hanyalah bertujuan untuk memudahkan sahaja dan tidak digunakan dalam penterjemahan maksud Terma-Terma ini.

20. MASA

Masa apabila dinyatakan, adalah intipati dalam semua transaksi bagi Kemudahan tersebut.

21. PEMBAYARAN PENUH TANPA PENOLAKAN OLEH PEMOHON

Semua bayaran yang dilakukan oleh Pemohon adalah dengan pembayaran penuh tanpa sebarang penolakan atau tuntutan balas.

22. PENGIKAT WARIS

Terma-Terma ini adalah mengikat Pemohon, warisnya, wakil diri dan pengganti (jika perlu) dan hendaklah dikuatkuasakan oleh dan untuk kepentingan MBSB Bank, waris dan penggantinya.

23. KESAN KEINGKARAN

Tanpa mengambil kira Terma-Terma ini, sekiranya terdapat sebarang keingkaran terhadap mana-mana akaun dan/atau kemudahan bersama MBSB Bank atau mana-mana pihak yang pada pendapat mutlak MBSB Bank mampu menjejaskan kemampuan Pemohon untuk memenuhi tanggungjawab Pemohon terhadap Kemudahan ini dan juga Terma-Terma di sini, MBSB Bank berhak untuk menuntut pembayaran penuh terhadap mana-mana jumlah wang yang terhutang yang belum dibayar oleh Pemohon kepada MBSB Bank dan/atau melaksanakan apa-apa langkah yang terkandung di sini dengan sewajarnya.

24. PENEPIAN SYARAT-SYARAT TERDAHULU

Dengan ini diakui dan dimaklumkan bahawa apa-apa syarat terdahulu di dalam Terma-Terma ini adalah semata-mata untuk faedah MBSB Bank yang mana boleh diketepikan sama ada sepenuhnya atau sebahagian oleh MBSB Bank mengikut budi bicara mutlaknya tanpa menjejaskan haknya dan penepian tersebut tidak menjejaskan hak MBSB Bank untuk memastikan bahawa Pemohon mematuhi mana-mana syarat terdahulu yang diketepikan pada masa akan datang.

Tandatangan Pemohon

Name

Nama

MyKad No.

No. MyKad

 - -

Date

Tarikh

 / /